

**PERTANDINGAN PERBARISAN SEMPENA SEMINAR KECERGASAN
KALI KE-12 JABATAN PERTANIAN SABAH TAHUN 2024**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Setiap kontinjen yang mengambil bahagian di dalam pertandingan Perbarisan (Lintas Hormat dan Persembahan/Formasi) hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di bawah ini:-

1. Setiap kontinjen dikehendaki menghantar seramai 50 orang peserta, termasuk pembawa sepanduk dan pembawa bendera kontinjen. Susunan perbarisan kontinjen adaah mengikut 3 baris.
2. 10 markah daripada markah keseluruhan akan dipotong sekiranya terdapat mana-mana kontinjen yang mempunyai bilangan peserta yang kurang atau lebih daripada jumlah yang ditetapkan.
3. Setiap kontinjen perlu memakai pakaian yang kemas, seragam dan bersesuaian dengan suasana temasya kesukanan. Walau bagaimanapun pakaian pembawa sepanduk boleh berlainan dengan peserta perbarisan lain, mengikut kreativiti masing-masing.
4. Semasa lintas hormat dan persembahan/formasi, kontinjen akan dinilai dari segi:-

BIL	KRITERIA
1	PEMBAWA BENDERA & SEPANDUK
2	DISIPLIN
3	PAKAIAN / HIASAN
4	KESERAGAMAN KAWAD
5	TABIK HORMAT
6	SEMANGAT BERPASUKAN

5. Persembahan/formasi yang akan dipertontonkan oleh setiap kontinjen semasa lintas hormat mestilah tidak melebihi 90 saat dan secara "On Going". Tiada markah akan diberi kepada kontingen yang melebihi 90 saat.
6. Laungan Motto Kontinjen yang dilakukan secara sopan di hadapan tempat duduk penonton VIP adalah wajib semasa persembahan/formasi kreatif kontinjen.
7. Semua peserta yang mengambil bahagian dinasihatkan agar mengikut arahan Jawatankuasa Pengelola terutamanya dari segi ketepatan masa dan disiplin peserta supaya upacara perasmian dapat berjalan dengan lancar.

